

# Sasaran kek coklat Anis di 7-Eleven akhir tahun

» Produk syarikat sudah dipasarkan di lebih 500 cawangan sejak dua bulan lalu

Oleh Norrasidah Arshad  
Norrasidah@bh.com.my

► Shah Alam

Pengeluar kek coklat Anis Chocolate Melt, Anis Food Sdn Bhd menyasarkan produk utama keluarannya boleh didapati di rangkaian kedai serbaneka 7-Eleven seluruh Malaysia, menjelang akhir tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Junaidy Abu Bakar, berkata sejak dua bulan lalu, produk keluaran syarikatnya sudah dipasarkan di lebih 500 cawangan kedai serbaneka 7-Eleven sekitar Lembah Klang.

Katanya, melihat kepada sambutan yang menggalakkan, syarikatnya mengembangkannya lagi sayap perniagaan dengan meletakkan produk utama itu di lebih 200 lagi kedai serbaneka 7-Eleven di Johor Bharu, Kuantan dan Kota Kinabalu.

"Kita jangkakan, sebelum akhir tahun ini, semua kedai serbaneka 7-Eleven di bandar utama akan menjual



Hasan (kiri), pada Majlis Pelancaran Sempena Kemasukan produk Anis Food ke Rangkaian 7-Eleven di Shah Alam.

produk Anis Chocolate Melt.

## Jangka untung RM15j

"Anggaran keuntungan untuk tahun ini juga adalah RM15 juta. Tahun lalu, kita mendapat keuntungan sebanyak RM10.2 juta," katanya pada sidang media selepas Majlis Pelancaran Kemasukan Produk Anis Food ke Rangkaian 7-Eleven dan Aplikasi Mobile yang dilancarkan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hasan Malek di Shah Alam, semalam.

Junaidy berkata, setiap kek yang dijual di kedai serbaneka 7-Eleven itu berharga RM4.25 dengan berat 80 gram.

Katanya, produk tersebut akan sentiasa ada di pasaran berikutan kilang baharu syarikatnya yang dibina di kawasan perindustrian Bukit Jelutong, di sini, mampu mengeluarkan kira-kira 50,000 bekas sehari.

"Berkaitan aplikasi di telefon bimbit, pelanggan akan lebih mudah mengetahui how-to di cawangan 7-Eleven yang menjual kek coklat ini," katanya.